

 Saya telah melawat satu handphone fair di kawasan pudu, dan telah membeli dua set telefon bimbit yang dijanjikan original diperbuat daripada Finland dengan harga RM1200.00.

 Saya telah mempercayai promosi ini adalah kerana saya dapat melihat di semua kawasan berhampiran yang menyatakan ianya hand phone fair dan kesemuanya set original dengan potongan harga 70 % dan penjual berkenaan menjelaskan yang telefon bimbit berkenaan di katakan set asas ♦basic♦ yang masih tidak di installkan software. Saya telahpun membuat bayaran di sana dengan kad kredit saya kerana harganya yang murah.</p><p>
Setelah beberapa hari, seperti yang dijanjikan apabila saya sampai kepada alamat yang tertera dalam resit berkenaan untuk installation percuma, saya terkejut yang sebenarnya tiada kedai disana.

Walaupun rasa tertipu apabila saya membawa set telefon bimbit saya ke kedai kedai yang berhampiran kesemuanya mengatakan set yang dibeli adalah daripada china dan bukannya original.

Kini saya berasa amat tertipu dan ingin mendapatkan bantuan mana pihak untuk mendapatkan penjual itu untuk mendapatkan pulangan wang ataupun penukaran set yang tulen.

NCCC Advise: Aduan di atas adalah salah satu aduan yang diterima berkenaan dengan penipuan yang berleluasa dilakukan dengan nama Handphone Phone dan kesemuanya original dengan diskaun hebat, ini merupakan suatu penipuan dan salah dari sisi undang undang. Kami memandang serius keatas perkara ini, ini kerana ramai yang tertipu dan handphone fair berkenaan. Apabila phone fair berkenaan telah ditutup ataupun pengguna berkenaan mendapati kedai itu adalah tidak didaftarkan dibawah♦SSM ataupun tidak mempunyai sebarang maklumat ataupun kedai seperti yang dinyatakan ini akan menjadi lebih rumit lahi. Oleh yang demikian kami ingin nasihatkan pengguna agar membeli daripada penjual sah sahaja dan sila rujuk kepada artikel kami di Konsumerkini melalui link ini untuk maklumat lanjut. http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/keselamatan/243-risiko-membeli-telefon-bimbit-di-pesta-telefon-dengan-harga-terlalu-murah

Regards,
Ms.Matheevani Marathandan</p><p>♦</p>